

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kes yang telah ditemui oleh pihak Kementerian semenjak dari tahun 2010 sehingga 2013 seperti yang berlaku kepada adik Muhammad Firdaus Dullah yang telah dikurung dan didera sehingga mengalami masalah kesihatan yang teruk.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan kanak-kanak terutama kanak-kanak kurang upaya kerana kanak-kanak merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat kes penderaan kanak-kanak mulai Januari hingga April 2014 adalah berjumlah 1,430, tahun 2013 berjumlah 4,119, tahun 2012 berjumlah 3,831, tahun 2011 berjumlah 3,428 dan 3,257 kes bagi tahun 2010.

Sebarang kejadian penderaan yang dilaporkan, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan peruntukan 17(1) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi menyelamatkan kanak-kanak berkenaan tanpa mengambil kira kanak-kanak dikategori sebagai kurang upaya atau kanak-kanak normal.

Bagi menangani kes penderaan kanak-kanak, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi.

Sebagai kesimpulan, KPWKMM amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak. Pelbagai program telah dijalankan oleh kementerian dan agensi-agensi di bawahnya. Walau bagaimanapun usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat diperlukan bagi membanteras kes penderaan kanak-kanak di negara ini.